




JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aras 1, 6, dan 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W. P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853000/88854000
Faks : 03-88892205/2204/2202
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Rujukan Kami : JPA(S)TT.233/2 Jld.2(1)
Tarikh : 27 Januari 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,

Tuan/Puan,

PENGUATKUASAAN PERATURAN BERKAITAN PEMATUHAN WAKTU BEKERJA PEGAWAI AWAM

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, Jabatan ini sering menerima aduan orang ramai berkenaan sikap segelintir pegawai awam yang tidak mematuhi waktu bekerja dan berada di tempat-tempat makan seperti kantin atau kafeteria mahupun di tempat-tempat awam lain seperti pusat membeli-belah semasa waktu bekerja. Ketidakpatuhan waktu bekerja ini adalah bertentangan dengan Perintah Am 5, Perintah-Perintah Am Bab G Waktu Bekerja dan Lebih Masa 1974 dan Peraturan 24, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 serta Tatakelakuan Pegawai Awam di bawah Peraturan 4, peraturan-peraturan yang sama.
3. Pada tahun 2009, Jabatan ini telah melaksanakan operasi pemantauan dengan kerjasama beberapa buah kementerian di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan pegawai awam. Pegawai awam yang ditangkap semasa operasi ini dilaksanakan telah diambil maklumat peribadi mereka dan dipanjangkan kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk diambil tindakan sewajarnya.
4. Susulan ke atas tindakan yang telah diambil oleh Jabatan ini dan bagi meningkatkan lagi integriti serta imej perkhidmatan awam, pihak Tuan/Puan adalah diminta supaya **menguatkuasakan** peraturan mengenai pematuhan waktu masuk bekerja pada sebelah pagi dan tengah hari serta membuat pemantauan secara berterusan di kantin, kafeteria dan di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan pegawai di bawah seliaan Tuan/Puan.

5. Di atas kerjasama Tuan/Puan dalam memastikan pegawai awam di bawah seliaan Tuan/Puan sentiasa mematuhi waktu bekerja seperti mana yang telah ditetapkan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' DR. MOHD AZHAR BIN HJ YAHAYA)
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

s.k. Y.Bhg. Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia
Y.Bhg. Datuk TKPPA (P)
Y.Bhg. Dato' TKPPA (O)